

07 FEB 2003

NAM-Haluan

NAM PLATFORM NEGARA MEMBANGUN BANGKIT BERSUARA

Oleh: Muin Abdul Majid

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) - Walaupun dunia sudah memasuki abad ke-21, nasib dan masa depan negara-negara membangun kelihatan masih samar, tidak seperti negara maju yang semakin jauh melangkah ke hadapan dengan cengkaman padu mereka terhadap lanskap politik dunia dan ekonomi antarabangsa.

Dalam konteks ini, kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melawat Mesir bulan lepas bahawa negara lemah perlu bersatu bagi menghadapi cabaran dunia yang kini dikuasai oleh kuasa besar, perlu dihayati dan dijelmakan segera.

Jika ini tidak dilakukan, segala rintihan dan bantahan terhadap kerakusan dan hipokrisi kuasa besar yang menyebabkan negara membangun terpaksa mengharungi bahana ketidakadilan akan terus tidak dihiraukan.

Ini dapat dilihat melalui percaturan Amerika Syarikat dan sekutunya dalam ura-ura mereka melancarkan perang terhadap Iraq yang dikatakan menyimpan senjata pemusnah, tuduhan yang sehingga kini belum dapat dibuktikan secara sah.

Sebab itulah Malaysia melihat Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang mengadakan sidang kemuncak ke-13 di sini dari 20 hingga 25 Feb ini sebagai satu platform penting dalam menentukan dunia terus bergerak di atas landasan proses pelbagai hala.

Dalam soal ini, tidak dapat disangkal lagi tentang betapa relevannya NAM, yang kini dianggotai 114 negara dan bakal meningkat kepada 115 apabila Timor Leste diterima sebagai anggota baru pada 24 Feb ini, dalam memainkan peranan sebagai payung tempat negara-negara lemah dan membangun bernaung dalam dunia yang semakin diwarnai ketidaktentuan, baik dalam hubungan antara negara, mahupun di bidang perdagangan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar baru-baru ini berkata semakin banyak pihak yang sedar tentang pentingnya NAM, yang sememangnya bergerak dengan berpandukan prinsip pelbagai hala, dalam menyuarakan pandangan negara membangun berhubung isu-isu yang ada hubungkait dengan survival mereka.

"Antara perkara penting bagi menentukan keadilan sejagat dan kesaksamaan sebagai menterjemahkan Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ialah pegangan kepada proses pelbagai hala," katanya.

Beliau berkata ada pihak yang mempertikaikan kewujudan NAM berikutan lenyapnya Perang Dingin yang satu ketika dulu menyaksikan pertembungan ideologi dan politik antara Amerika dan bekas Kesatuan Soviet yang menyebabkan lahirnya apa yang dipanggil Blok Timur dan Blok Barat.

"Kalau kita biarkan cakap-cakap seperti ini diteruskan, akhirnya akan ada kepercayaan bahawa tidak perlu ada organisasi yang menyuarakan pandangan negara-negara Dunia Ketiga," katanya.

Bagaimanapun, Syed Hamid berkata persetujuan untuk menghadiri sidang kemuncak NAM yang diberikan oleh ramai ketua negara, para pemerhati dan pertubuhan bukan kerajaan serta kehadiran lebih 2,000 wakil media, menunjukkan lahirnya semula minat terhadap pergerakan itu sebagai platform negara-negara membangun menyuarakan pendapat dengan bebas.

Melaluinya, beliau berkata para anggota NAM dapat membawa ke pengetahuan dunia kekhuatiran mereka berhubung isu-isu seperti globalisasi, kewujudan jurang digital yang luas antara negara maju dan kurang maju serta cara dunia kini ditadbir.

Syed Hamid berkata dalam suasana dunia yang kini semakin menjadi

unipolar dan bertonggakkakan demokrasi liberal dan pasaran bebas serta dibayangi keganasan, negara membangun mesti memainkan peranan masing-masing jika tidak mahu melihat mereka dipinggirkan.

"Kalau tidak, apa juga sistem dan peraturan yang diwujudkan oleh pertubuhan-pertubuhan dunia akan hanya menguntungkan negara maju," katanya, sambil merujuk kepada rundingan perdagangan yang berkaitan dengan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

"Kita seharusnya memberikan input supaya negara membangun akan juga mendapat manfaat daripada perdagangan, pelaburan dan sistem kewangan...Dalam sistem perdagangan, bukan sahaja negara maju boleh memasuki pasaran negara membangun, kita juga mahu pasaran negara maju dibuka dengan lebih luas kepada negara membangun," katanya.

Menyentuh soal Iraq, Syed Hamid berkata Malaysia berharap PBB mempertahankan kredibiliti dan integritinya sepanjang masa dan tidak berada di bawah telunjuk mana-mana kuasa besar yang hanya bersetuju dengan PBB jika badan dunia itu mematuhi cakupannya.

"Kalau tidak, dia ketepikan PBB. Perkembangan macam ini amat berbahaya kepada keamanan dunia," katanya.

Beliau berkata Malaysia juga mahu mengetengahkan pandangannya bahawa keamanan, bukannya perang, menjadi kunci kepada kestabilan dan keselamatan dunia.

Untuk berita lain berkaitan NAM, sila layari www.nam2003.com.

-- BERNAMA

MAM MFJ RON